

NO. SOALAN: 5 (JAWAB BERSEKALI)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI

[BETONG]

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN NO. 5

Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan statistik terkini mengenai kelewatan dan pembatalan penerbangan yang merangkumi semua syarikat penerbangan domestik di Malaysia termasuk Malaysia Airlines dan AirAsia sejak tahun lalu. Perincikan punca-punca utama yang menyebabkan masalah ini.

NO. SOALAN: 5 (JAWAB BERSEKALI)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN NO. 26

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha Kementerian mengurangkan insiden-insiden kelewatan penerbangan yang semakin berleluasa. Adakah tindakan telah diambil oleh MAVCOM ke atas syarikat penerbangan untuk menjaga hak pengguna.

NO. SOALAN: 5 (JAWAB BERSEKALI)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU]

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN NO. 7

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik terkini jumlah kelewatan dan pembatalan penerbangan oleh syarikat penerbangan domestik di Malaysia, termasuk Malaysia Airlines dan AirAsia sejak tahun lalu.

NO. SOALAN: 5 (JAWAB BERSEKALI)

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat Betong bersekali dengan Yang Berhormat Bayan Baru yang bertarikh 5 November 2024 dan Yang Berhormat Selangau yang bertarikh 11 Disember 2024 kerana pertanyaan adalah mengenai isu yang sama.
2. Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) sentiasa memantau kelewatan dan pembatalan penerbangan oleh syarikat penerbangan di Malaysia.
3. Berdasarkan data Januari hingga Ogos 2024, sejumlah 315,388 penerbangan telah dijadualkan manakala 258,112 penerbangan telah dioperasikan oleh syarikat-syarikat penerbangan Malaysia.
4. Daripada jumlah penerbangan yang dioperasikan, sejumlah 76% penerbangan telah menepati waktu yang dijadualkan. Bagi penerbangan yang menghadapi kelewatan, 90.2% telah ditangguhkan kurang daripada 2 jam manakala baki penerbangan telah ditangguhkan melebihi 2 jam.
5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak MAVCOM sentiasa memantau ketepatan waktu syarikat-syarikat penerbangan tempatan melalui kadar “*On-time Performance*” (OTP) di KLIA Terminal 1 dan 2.
6. Mengikut data terkini, **Malaysia Airlines** telah menunjukkan penambahbaikan dengan kadar OTP sebanyak 78.1% pada bulan September berbanding 58.2% pada bulan Ogos untuk laluan domestik susulan beberapa langkah yang diambil oleh pihak syarikat untuk memperbaiki isu-isu teknikal. Kadar OTP Malaysia Airlines bagi laluan antarabangsa juga telah menunjukkan peningkatan kepada 72.0% pada bulan September berbanding 54.7% pada bulan Ogos.
7. Manakala **AirAsia** telah mencatatkan kadar OTP sebanyak 67.9% pada bulan September berbanding 70.8% pada bulan Ogos untuk laluan domestik. Bagi penerbangan antarabangsa, AirAsia mencapai kadar OTP

NO. SOALAN: 5 (JAWAB BERSEKALI)

sebanyak 61.7% pada bulan September berbanding 69.5% pada bulan Ogos manakala AirAsia X mencapai kadar OTP sebanyak 81.8% pada bulan September berbanding 80.6% pada bulan Ogos.

8. **Batik Air** telah mencapai kadar OTP 73.8% pada bulan September berbanding 82.9% pada bulan Ogos untuk laluan domestik manakala kadar OTP untuk laluan antarabangsa adalah 57.7% pada bulan September berbanding 71.7% pada bulan Ogos.
9. Bagi menangani isu kelewatan dan pembatalan ini, MOT dan MAVCOM pada April 2024 telah menetapkan 85% sasaran OTP dan 80% penerbangan yang mematuhi jadual bagi semua syarikat penerbangan Malaysia yang beroperasi dari semua lapangan terbang di Malaysia.
10. Hasil pemantauan prestasi syarikat penerbangan ini diterbitkan di laman web MAVCOM. Sekiranya syarikat penerbangan gagal mencapai sasaran, ia boleh memberi kesan kepada permohonan syarikat penerbangan untuk pembaharuan atau menambah hak trafik udara daripada pihak MAVCOM.

Sekian, terima kasih.